

SALAH LAKU REMAJA DAN ASAS PENYELESAIANNYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Dr. Fakhrol Adabi Abdul Kadir*

Nur Shahidah Paad*

Mohd Nawawi Abd.Ghapar*

ABSTRAK

Remaja adalah satu peringkat tahap umur dimana kemuncak kepada berlaku proses perkembangan diri sedang berlaku. Walaupun tahap perkembangan ini merupakan satu petanda baik pada pertumbuhan normal manusia, namun hari ini ia dilihat telah menjadi penyebab kepada kebimbangan pelbagai pihak. Ini adalah kerana, tahap remaja tersebut yang sinonim dengan pelbagai masalah salah laku. Malah, kadar kepada pelbagai masalah salah laku ini juga didapati berada pada tahap yang tinggi. Walaupun pelbagai cara dan kaedah telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah salah laku ini, masalah ini dilihat masih lagi berlarutan. Sesuai dengan ciri pembawa rahmat kepada sekalian alam, agama Islam menawarkan penyelesaian yang amat sempurna kepada pelbagai masalah salah laku remaja tersebut. Namun, bagi setiap gerak kerja, asas atau dasar yang kukuh diperlukan bagi memandu pelaksanaannya ke arah yang lebih berkesan. kertas kerja ini akan membincangkan peranan agama Islam dalam menyelesaikan masalah salah laku remaja serta asas-asas utama penyelesaian masalah tersebut dari perpektif Islam itu sendiri. Metod dokumentasi dan historis digunakan untuk mengutip dan membahaskan perkara tersebut. Agama Islam dan remaja sama sekali tidak boleh dipisahkan. Pengabaian kepada perkara agama menjadi punca kepada masalah salah laku. Sekiranya penyelewengan berlaku dalam kalangan remaja, 4 asas utama penyelesaian masalah tersebut tidak boleh di abaikan iaitu : 1) Karektor tingahlaku remaja boleh diubah, 2) Kaedah harus bersesuaian dengan tahap perkembangan usia remaja 3) Ilmu dan kesedaran sebagai penyelesaian pertama, dan 4) Berterusan melalui Mujahadah (bersungguh-sungguh) dan Riyadah (latihan)

Kata Kunci : Salah laku, remaja, agama, Islam dan penyelesaian

1.0 Remaja

Menurut Kamus Dewan remaja bererti, mula hendak dewasa, telah mencapai aqil baligh dan sudah sampai umur untuk berkahwin. Belia pula ialah golongan muda remaja dan pemuda. (Kamus Dewan, 1970) Pelajar adalah dikategorikan sebagai remaja yang mana remaja dan belia adalah anak-anak muda lelaki dan perempuan dalam lingkungan umur yang telah melepasi umur kanak-kanak dan mula memasuki umur dewasa, umur yang cukup untuk mendirikan rumah tangga, kerana telah baligh. Umumnya remaja dan belia ialah golongan

muda-mudi yang sudah baligh hingga mencapai umur 25 tahun. Dalam kajian ini penyelidik menfokuskan kepada pelajar sekolah yang mana merupakan salah satu perintis belia dalam negara. Secara perundangan tidak terdapat definisi yang khusus bagi mengkategorikan remaja. Akta Pekerjaan Kanak-kanak dan Orang Muda 1996 mentakrifkan seorang kanak-kanak adalah mereka yang berada dalam lingkungan umur 10 hingga 14 tahun. Dalam Akta Pengangkatan 1952, kanak-kanak didefinisikan mereka yang berumur 21 tahun dan ke bawah. Walaupun setiap akta ini tidak menjelaskan peringkat umur tertentu, secara umumnya dalam membicarakan masalah remaja, golongan remaja yang perlu ditumpukan adalah yang berumur di bawah 21 tahun dan sebahagian besar daripada mereka masih dalam alam persekolahan. (www.geocities.com, 2009)

Memahami siapa remaja adalah penting bagi mengetahui mengapa mereka terlibat dengan masalah ahklak ini terutamanya pelajar. Ini kerana faktor personaliti individu itu sendiri serta faktor perkembangannya mempengaruhi tingkah laku yang dilakukan olehnya. Perkataan remaja ataupun *adolescene* berasal dari perkataan Latin iaitu *adolscere* yang bermaksud membesar atau membesar menjadi matang. (Majzub dan Noor, 2001) Definisi remaja ini banyak diperkatakan oleh ahli psikologi dan ada di antaranya mendefinisikan remaja sebagai suatu tempoh perkembangan fizikal, satu konsep yang abstrak, satu fenomena sosio budaya atau berdasarkan sikap remaja terhadap kehidupannya. Persoalan yang dikaitkan dengan pencarian identiti adalah merupakan persoalan utama bagi remaja. Persoalan seperti “siapakah saya?” Apakah bidang kerjaya yang sesuai dengan saya?”, dan sebagainya yang membawa maksud identiti apa yang membuatkan seseorang itu berbeza dengan orang lain. Mengikut seorang ahli psikologi Stanley Hall, zaman remaja ialah jangka masa seseorang itu mengalami berbagai cabaran dan tekanan (Stanley Hall, 1904). Ini kerana pada peringkat ini remaja mengalami perubahan fizikal, intelek serta emosi dan terpaksa berhadapan dengan berbagai konflik di dalam dirinya dan juga masyarakat. Perkembangan fizikal remaja perlu diketahui bagi membantu memahami tentang sesetengah remaja yang lambat atau cepat dalam perkembangan mereka dan apakah kesan-kesan di sebaliknya. De Brun pula mendefinisikan remaja sebagai tempoh pertumbuhan antara kanak-kanak dengan masa dewasa yang pada umumnya bermula pada usia 12 tahun atau 13 tahun dan berakhir pada usia awal dua puluhan (Azizi dan Jaafar, 2005). Havighurst dalam Ramlah Jantan dan Mahani Razali pula, membahagikan masa remaja kepada dua iaitu awal remaja (12 hingga 18 tahun) dan akhir remaja (18 hingga 22 tahun). (Ramlah, 2004). Anna Freud pula berpendapat, pada masa remaja berlaku proses perkembangan yang meliputi perubahan-perubahan yang

berhubung dengan perkembangan saikoseksual dan merupakan proses pembentukan orientasi masa depan (Anna Freud,1990).

Ibrahim Abu Shah, berpendapat bahawa proses perkembangan remaja ini bermula dari perubahan fisiologi dan berakhir kepada psikologi. Dari segi umur, sarjana mengkategorikan remaja yang berumur antara 10 hingga 21 tahun (Ibrahim,1999). Mustafa Fahmi mengatakan bahawa remaja berasal dari bahasa latin "*adolescere*" ertinya meningkat secara beransur-ansur kepada kematangan tubuh badan, jantina, emosi dan akal (Mustafa,1976). Ibrahim Mamat dalam kajiannya memberi erti remaja dari segi istilah sebagai mereka yang sedang mengalami perubahan fizikal, intelek, rohani dan emosi , iaitu mereka yang berada dalam lingkungan umur antara 12 hingga 21 tahun (Ibrahim Mamat 1997).Seorang ahli saikologi Ali Pitchey Ibrahim berpendapat bahawa golongan remaja adalah golongan belia dan beliawanis yang dalam lingkungan 11 tahun hingga 12 tahun. Mereka adalah golongan masyarakat yang aktif, berani dan cerdas dari segi mental dan fizikal. Mereka ini mempunyai fikiran yang melambung tinggi, usaha, cita-cita dan pegangan hidup walaupun pergaulan dalam mengisi ilmu belum mencukupi. Mereka cepat mempelajari dan mencontohi samada yang baik atau buruk. (Ali Pitchey,1987) Zakiat Dardjat pula berpendapat masa remaja adalah masa peralihan di antara masa kanak-kanak dan masa dewasa iaitu anak-anak mengalami pertumbuhan cepat dalam segala bidang. Mereka tidak lagi anak-anak kecil samada bentuk badan, sikap, berfikir dan bertindak tetapi bukan pula orang dewasa yang matang. (Zakiat Dardjat,1983).

2.0 Salah Laku Remaja

Masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja sering dijadikan topik perbincangan di pelbagai wadah di dada akhbar dan majalah, rencana, wawancara, dan drama televisyen dan radio sehingga ke cerama dan forum semasa. masalah ini telah lama mendapat tempat di dalam keprihatinan masyarakat khususnya di Malaysia, tetapi sehingga kini masih belum Nampak jelas jalan penyelesaiannya. (Noorzila ,2007)

Bermula dari isu ini, kaitannya sering pula dibuat terhadap masalah-masalah lain seperti peningkatan kadar jenayah, peningkatan masalah penagihan dadah, kurangnya graduan berkualiti dan pelbagai lagi pelbagai permasalahan yang menghantui masyarakat. Masalah keruntuhan akhlak ini mempunyai ciri-ciri berikut:

a) Mendatangkan kesusahan atau penderitaan psikologi, mental atau fizikal kepada individu atau kumpulan yang mempunyai ciri-ciri atau sifat-sifat yang sama.

b) Merupakan ancaman atau cabaran hebat kepada sistem nilai atau kepentingan tertentu masyarakat.

c) Berlaku dalam jangka masa yang lama kerana kaitannya dengan aspek-aspek lain dalam masyarakat.

d) Menimbulkan pelbagai strategi tetapi masih sukar menyelesaikannya kerana pandangan dan penilaian yang berbeza antara kumpulan-kumpulan dalam masyarakat.

Terdapat pelbagai masalah salah laku yang berlaku melibatkan para remaja, antara yang paling menjadi perhatian adalah :

1) **Penyalahgunaan dan Penagihan Dadah**

Kajian Yayasan Perlindungan Jenayah Malaysia pula mendapati, kebanyakan penagih dadah di Negara ini mula mengenali dadah dalam lingkungan usia 13 – 15 tahun dan 71 % daripada penagih baru terdiri daripada golongan muda antara 19 – 39 tahun. (<http://utusan.com>., 2009) Menurut Agensi Dadah Kebangsaan, dadah merupakan satu istilah khas kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani (fizikal), rohani (mental dan emosi) serta tingkah laku pengguna apabila digunakan. Akibat dari kesan ini seseorang yang menggunakan dadah akan terus bergantung hidup kepada dadah tersebut dan menyebabkan ketagihan. Seseorang penagih sanggup menggadai maruah serta memperhambakan diri kepada sesiapa saja walau dalam apa jua keadaan asalkan bekalan dadahnya terjamin. Akibatnya ramai yang sanggup mengemis dan melacurkan diri.

2) **Ponteng Sekolah**

Perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan menunjukkan pelajar terbabit dengan gejala itu agak membimbangkan iaitu 32, 092 orang pada tahun 1993, 154305 (1995) dan 80 937 pada tahun 1997. Pelajar sekolah menengah, terutama di peringkat usia antara 14 hingga 15 tahun dikenalpasti sebagai kumpulan majoriti yang terbabit dengan gejala ponteng. Daripada keseluruhan pelajar yang dikenalpasti terbabit dengan masalah ponteng, kira-kira 97 peratus adalah dari kalangan pelajar lelaki dan baki 3 peratus adalah pelajar perempuan.

3) **Isu Rempit**

Didapati pada sekitar tahun-tahun 80an dan awal 90an, gejala ini banyak bertumpu di Kuala Lumpur, ianya kini sudah merebak hampir ke semua negeri di Malaysia. Malahan, di ceruk-ceruk kampung sekalipun gejala sebegini sudah menjadi lumrah dengan penglibatan masyarakat tanpa mengira batas umur dan bangsa. Remaja merempit untuk mencari keseronokan, kepuasan, kemasyhuran, wang dan perempuan. Kepuasan dan keseronokan untuk melepaskan diri sementara dari tekanan hidup. Mengecapi bentuk hiburan yang mudah dengan hanya berbekal RM4 untuk minyak dan keberanian untuk beraksi. Ada yang mendapat habuan lumayan berupa wang dan perempuan. Bukan semua berani mati begitu tapi wang taruhan dikumpul dalam kalangan mereka, menyuburkan lagi gejala ini. Mengikut statistik PDRM, sejak 2001 sehingga Mei 2008, sebanyak 3,182 penunggang motosikal ditahan kerana pelbagai kesalahan lalu lintas, dan 2,970 daripadanya berusia antara 16 tahun dan 25 tahun.

4) **Isu Pembuangan Bayi**

Fenomena seks bebas berlaku di mana-mana di seluruh dunia. Di Amerika Syarikat misalnya dan juga di negara-negara barat lain kajian menunjukkan satu daripada lima remaja melibatkan diri dalam hubungan seks sebelum mereka mencapai umur 15 tahun. Beberapa kajian yang dilakukan di Negara ini juga menunjukkan 27 % daripada remaja kita hari ini mengadakan hubungan seks di luar nikah. Sepanjang tempoh dua tahun sehingga 2006, JKM (Jabatan Kemajuan Masyarakat) menerima maklumat sejumlah 145 bayi luar nikah dibuang dan dijumpai di tempat awam atau diserahkan sendiri oleh ibu bermaslah kepada polis. Pada tahun 2006, sebanyak 83 kes telah dicatatkan di seluruh negara berbanding 65 kes pada 2000. Sepanjang tempoh 2000 hingga 2006, sejumlah 580 pembuangan bayi dicatatkan dengan 48 daripadanya masih merupakan janin. Apa yang lebih membimbangkan lagi ialah pembuangan bayi turut menular di institusi pengajian tinggi (IPT). Perangkaan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman merekodkan 580 kes buang bayi dari 2000 hingga tahun lalu, dengan Selangor dan Johor mencatat kes paling tinggi. Pada 2000, 65 kes dicatatkan di seluruh negara, 2001 (97 kes), 2002 (98 kes), 2003 (92 kes), 2004 (78 kes), 2005 (67 kes) dan 2006 (83 kes). Tahun lalu sahaja, daripada 83 kes di seluruh negara, Selangor mencatatkan 24 kes, Johor (21 kes), Sarawak (12 kes), Sabah (11 kes), Kedah, Negeri Sembilan dan Pahang (masing-masing tiga kes), Perak, Melaka (dua kes) serta Kelantan dan Terengganu (satu kes). Statistik sama turut mencatatkan usia bayi yang dibuang membabitkan dua kategori, iaitu janin dan baru lahir.

Untuk janin, 48 kes dilaporkan dalam tempoh 2000 hingga 2006, manakala baru lahir pula 532 kes. (Noor Mohamad,2010)

3.0 Peranan Agama Islam dalam Menangani masalah Salah Laku

Di Barat, kebanyakan kajian dibidang psikologi agama juga telah membuktikan bahawa terdapatnya hubungan yang penting antara agama dan kualiti hidup seseorang individu. (Peter & Pargament ,2003) Hubungan ini termasuk sama ada hubungan yang positif mahupun negatif (ibid). Namun, terdapat juga kajian yang menunjukkan kesan yang neutral antara dua pemboleh ubah tersebut. Menurut Allport dan Ross, keadaan ini berlaku kerana ia bergantung kepada orientasi agama atau bagaimana cara agama itu digunakan dalam memberi makna kepada kehidupan seseorang (Emmons,1998). Dalam hal ini kajian Barat juga turut membuktikan bahawa agama mempunyai hubungan yang positif dapat berfungsi sebagai motivator yang memandu dan menggerakkan seseorang individu dalam menjalani kehidupannya (Peter & Pargament, 2003) Ini adalah kerana, menurut mereka kesan fizikal dan mental yang sihat dapat berlaku apabila Tuhan menjadi matlamat utama dalam kehidupan (Emmons,1998) atau *Ultimate concern*.¹

Selain itu, agama bukan sahaja dapat menjadi matlamat yang menjadikan kehidupan lebih bermakna malah ia dapat menyediakan dan menunjukkan cara atau kaedah-kaedah keagamaan yang boleh diamalkan misalnya seperti *spiritual support, mediation religious appraisals, rites of passages*. Selain kesan positif yang ditunjukkan, dengan mempunyai hubungan dengan Tuhan individu akan turut bermotivasi untuk menjauhkan diri daripada melakukan atau terlibat dengan perkara-perkara yang negatif seperti ketagihan alkohol dan dadah, serta hamil anak yang tidak sah taraf. (Peter & Pargament, 2003).

Kesan agama dalam kehidupan individu seperti di atas turut berlaku kepada golongan remaja. Beratus-ratus kajian di Barat telah membuktikan bahawa agama mempunyai hubungan yang positif dengan kesihatan dan kesejahteraan hidup remaja yang meliputi pelbagai latarbelakang sosiodemografi yang berbeza-beza (John & Forman, 1998). Secara umum, terdapat tiga dimensi yang dapat dipengaruhi oleh agama iaitu :1) moral, 2) aspek kemahiran belajar, dan 3) hubungan sosial (Christian Smith ,2003), Dari aspek moral,

¹ Dalam perspective *goal Theory* spiritual disebut sebagai "*ultimate concern*". Ultimate concern menurut Tillich adalah intipati kepada agama iaitu a) nilai maksimum yang dilaburkan b) memiliki kuasa untuk 'memusatkan' suatu hidupan c) memerlukan "total surrender"(penyerahan total). Ultimate centred yang disandarkan kepada elemen katuhanan dikenali sebagai elemen spiritual.

agama telah dilihat mempunyai peranan yang penting dalam membantu remaja untuk menjauhkan diri daripada terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sihat.

Dalam agama Islam, manusia hanya akan memiliki kesejahteraan apabila telah dapat mengamalkan kandungan agama itu sendiri. (Khalili et.al, 2002) Dari konteks pembangunan diri remaja, kepercayaan dan amalan agama Islam dapat menentang segala unsur negatif yang boleh mempengaruhi emosi dan mental remaja dan seterusnya menjadikan mereka bertindak melampaui batas (Robiah, 2001). Islam dalam hal ini menekankan kaedah-kaedah yang mendekatkan diri kepada Allah dengan amalan-amalan ibadah yang terdiri daripada amalan wajib dan sunat untuk mengatasi masalah-masalah yang melibatkan kejiwaan² seperti masalah kebimbangan dan tekanan (Haslina, 2012) pada remaja.

Untuk melakukan amalan tersebut, penguasaan ilmu-ilmu agama yang terdiri daripada tauhid syariah dan tasawwuf adalah amat penting bagi menjadi faktor yang kuat untuk memandu dan mempengaruhi tingkahlaku serta amalan-amalan ibadah remaja tersebut.³

Penerapan ilmu-ilmu agama tersebut dalam kaedah-kaedah dan asas-asas yang di ajarkan dalam agama Islam untuk mengatasi segala masalah salah laku amat digalakkan bagi menambahkan keberkesanannya. Ini adalah kerana kaedah-kaedah yang berasaskan daripada ilmu-ilmu tersebut selari dengan fitrah kemanusiaan manusia yang memerlukan pengenalan kepada Tuhan mereka disamping keperluan menjaga hubungan dengan sesama manusia ke arah mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat (Soleh, 2005). Persoalan fitrah manusia dalam ajaran Islam ini sama sekali berbeza dan tidak terdapat dalam perbincangan fitrah dari perspektif Barat. Unsur fitrah ini merupakan aspek ruhaniyyah yang menjadi entiti asas kepada penciptaan manusia. Unsur-unsur spiritual dan keagamaan yang dibincangkan oleh Barat juga tidak mencapai tahap fitrah dan roh yang didatangkan daripada Allah S.W.T kepada manusia tersebut. Ini menjadikan kaedah-kaedah Islamik dalam penyelesaian masalah salah laku remaja lebih komprehensif.

Asas fitrah kemanusiaan yang sejajar dengan agama Islam seperti yang digariskan melalui kaedah Islam ini sama sekali tidak boleh diabaikan atau di ambil ringan. Pengabaian inilah yang menyebabkan kegagalan dalam menyelesaikan pelbagai masalah salah laku yang melibatkan golongan remaja. Dari perspektif Islam asas-asas utama yang melibatkan soal

² Psikospiritual adalah satu kaedah psikologi dengan integrasi spiritual islam.ia adalah kajian yang bersifat mental dan pemikiran yang bersifat rohani daripada perspektif Islam.

³ Amalan-amalan zahir adalah amalan-amalan wajib dan sunat seperti yang telah diperintahkan dalam Islam mengikut al-Quran dan Sunnah manakala amalan batin pula adalah terdiri daripada sifat diri seperti khauf, raja', iradah, istiqamah dan muraqabah. Kedua-dua bentuk amalan ini pula harus dipandu dengan ilmu dan iman yang benar dan ikhlas kerana Allah.

fitrah remaja tersebut penting bagi membantu penyelesaian masalah salah laku remaja dengan lebih tepat dan berkesan.

4.0 Asas Penyelesaian Salah Laku Remaja Menurut Islam

Dalam memberikan penyelesaian terhadap masalah salah laku remaja ini, terdapat 4 perkara asas yang perlu diberi perhatian dan dipertimbangkan iaitu :

- 1) Karektor tingahlaku remaja boleh diubah.

Ajaran Islam berprinsip bahawa tingkahlaku individu boleh diubah. Oleh itu dalam berhadapan dengan pelbagai masalah salah laku remaja prinsip ini harus dipegang supaya sebarang tindakan yang sesuai untuk penyelesaian masalah dapat dilaksanakan (al-Isfahani, 1882). Ini adalah kerana, setiap manusia yang dilahirkan di atas muka bumi telah dilahirkan dengan fitrah beragama tauhid ketika perjanjian antara manusia dengan Allah ketika di alam arwah (Surah al-A'raf : 172) Melalui kesedaran ini, manusia secara semulajadi dapat menghayati ke-Esaan Allah S.W.T serta cenderung untuk menyembah dan beribadah kepada-Nya (Aisya, 2011). Selain itu, manusia juga lahir dengan kurnian roh yang ditiupkan Allah ketika manusia di alam rahim dan ia terdiri daripada akal, hati, roh dan nafsu (Syakirah, 2008). Potensi kerohanian ini mewarisi 99 sifat-sifat Allah yang baik (Baharuddin, 2007).

Namun, cara pendidikan yang diterima daripada persekitaran yang menyebabkan manusia terseleweng daripada fitrahnya yang asal dan meyebabkan berlakunya pelbagai masalah salah laku kepada remaja . Hal ini jelas seperti mana kata-kata oleh itu Hedayat-Diba dalam mengulas tentang hal ini menyebut : *“ it is believe that by following Islamic principles, Muslim can achieve and enjoy the four ingredients of healthy and balanced life, namely, physical, social, mental and spiritual health”*. (Gamal & Hedayat, 1994)

- 2) Kaedah harus bersesuaian dengan tahap perkembangan usia remaja.

Seperti yang telah dielaskan di awal kertas ini, remaja adalah satu tahap umur kemuncak pelbagai perkembangan diri. Perkembangan yang di alami ini termasuklah dari aspek fizikal, mental dan emosi.

Para psikologi barat telah bersepakat bahawa tidak semua kaedah penyelesaian dan rawatan bersesuaian dengan perkembangan yang di alami oleh remaja. Kesalahan dalam

menentukan kaedah yang bersesuaian akan menambahkan lagi masalah kepada remaja (Jacquelyne & Midgley,1990). Dalam agama Islam, perkara ini juga telah ditekankan (Miskawayh,1968) sebagai perkara asas dalam memberikan rawatan kepada sebarang permasalahan tingkahlaku remaja. Ia diibaratkan seperti mencari rawatan penyakit fizikal yang paling sesuai dengan penyakit yang sedang dihidapi (Miskawayh,1968). Dalam hal ini, panduan yang betul diperlukan untuk mengetahui rawatan atau penyelesaian yang sesuai untuk remaja.

3) Ilmu dan Kesedaran sebagai penyelesaian pertama.

Dalam usaha mencari penyelesaian yang tepat dan bersesuaian dengan permasalahan salah laku remaja seperti yang dijelaskan di atas, peranan ilmu sangat penting (Quasem, 1975). Bukan sahaja remaja terlibat perlu kepada ilmu pengetahuan untuk mengubah sikap yang buruk kepada sikap yang baik namun, semua pihak yang terlibat dan bertanggungjawab dalam membantu menyelesaikan permasalahan remaja ini juga perlu kepada ilmu pengetahuan. Al-Ghazali dalam hal ini menjelaskan :

” Know that all the evil character-traits are cured by the unguent (ma’jun) of knowledge (’ilm) and action (’amal). The cure of every (spiritual) disease is by opposing its cause, and so we should minutely investigate its cause” (ibid.)

Dalam hal ini, ilmu yang diperlukan ini menurut al-Ghazali bersifat komprehensif meliputi ilmu tentang masalah salah laku tersebut, punca-puncunya dan kesannya dalam kehidupan remaja (Ibid). Menurut al-Ghazali juga, ilmu yang dimiliki ini juga telah menjadi satu bentuk penyelesaian kepada masalah salah laku terbabit. Kerana ilmu itu sendiri sudah menjadi rawatan yang dinamakan sebagai rawatan kognitif iaitu melalui kesedaran yang tinggi. Aspek ilmu dan kesedaran inilah yang seterusnya dapat mencetuskan keinginan dan kehendak yang kuat untuk melakukan tindakan untuk berubah dalam jiwa remaja (Ibid).

4) Berterusan melalui *Mujahadah* (bersungguh-sungguh) dan *Riyadah* (latihan)

Walaupun dengan ilmu dan kesedaran telah dapat memberikan rawatan atau penyelesaian kognitif kepada permasalahan salah laku remaja, namun bagi memastikan tingkahlaku perubahan yang lebih berkekalan rawatan harus diberikan secara berterusan (al-Muhasibi, 1940). Rawatan berterusan ini adalah supaya tabiat yang baik yang ingin dibentuk dapat menjadi tabiat kebiasaan pada remaja. Tabiat inilah yang akan menyebabkan mengekalkan dan keberkesanan dalam penyelesaian mengatasi masalah tersebut (Quasem, 1975). Justeru,

dalam hal ini al-Ghazali menyarankan dua kaedah utama iaitu dengan usaha yang bersungguh-sungguh (*Mujahadah*) dan latihan (*Riyadah*)(al-Ghazali,t,t).

Menurut al-Ghazali manusia akan dapat mencapai kepada kesempurnaan apabila memiliki segala ilmu tentang ketuhanan dan bermujahadah dengan ilmu yang diperolehi dengan menentang kehendak hawa nafsu (ibid.) disamping sentiasa melatih diri untuk melazimi sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan seharian (Ibid).

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, Islam itu sendiri merupakan penyelesaian kepada pelbagai masalah manusia. Kaedah-kaedah yang ditawarkan dalam Islam pula sangat komprehensif meliputi semua aspek termasuk sekecil-kecil perkara dan yang paling asas. Berhubung dengan permasalahan salah laku remaja yang mebingungkan ini, meskipun hanya merupakan suatu asas penyelesaian namun sekiranya di abaikan penyelesaian yang dilaksanakan hanya akan menemui jalan buntu. Kesempurnaan Islam dalam memberikan jalan penyelesaian ini walaubagaimanapun tidak dapat memberi apa-apa makna sekiranya kandungan dan ajarannya tidak benar-benar di dalam dan difahami dengan baik.

RUJUKAN

- Azizi Yahya dan Jaafar Sidik Latif, *Membentuk Idetiti Remaja*. (Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd, ,2005)
- Anna Freud (1990). *Gaya Hidup Remaja Masa Kini (Analisis Kes Remaja Di Bandaraya Kucing)*, Shah Alam : Institut Teknologi Mara,
- Ali Pitchey Ibrahim, " *Pendidikan Remaja Islam,*" *Majalah Al-Islam* September 1987, (Utusan Malaysia Berhad (1987)
- Al-Muhasibi, Harith Ibn Asad, *Ar-Ri'aya li Huquq Allah*, ed. M. Smith (London, 1940),62.
- Al-Ghazali, *Ihya' ulumuddin*, vol.4 h.76
- Christian Smith (2003), *Theorizing Religious Effects Among American Adolescents*, *Journal for the Scientific Study of Religion* 42:1 h. 17-30.
- Che Haslina Abdullah et.al (2012), *Generalized Anxiety Disoder(GAD) from Islamic and Western Perspectives*, *World Journal of Issalmic History and Civilization*,vol. 2 ,no.1, h. 44-52
- Feyza S. Menagi et. al, (2008), *Religiousness And Colledge Student Alcohol Use : Examining The Role Of Social Support*, *Journal Religious Health* vol.47 h.217-266

- Gamal Abou El Azayem & Zari Hedayat-Diba, The Psychological Aspect of Islam : Basic Principles of Islam and Their Psychological Corrolary, *International Journal for The Psychology of Religion*, Vol. 4, Issue 1 (1994), 41-50.
- Havighurst Dalam Ramlah Jantan Dan Mahani Razali, *Membangun Remaja Sehat Untuk Mewujudkan Pribadi Yang Berakhlak Mulia*. (UiTM, 2004).
http://utusan.com.my/utusan/info.asp?2009&dt=0430&pub=utusan_malaysia&sec.6/12/2009.
- Ibrahim Mamat (1997), *Memimpin Remaja Sekolah : Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd. hlm.23
- Ibrahim Abu Shah (1999). *Gaya Hidup Remaja Masa Kini* (Analisis Kes Remaja Di Bandaraya Kucing). Institut Teknologi Mara: Shah Alam. Hlm. 2.
- John M. Wallace Jr., & Tyrone A. Forman (1998), *Religion's Role in Promoting Health and Reducing Risk Among Amerincan Youth*, *Health Education & Behaviour*, Vol.25(6) h. 721-741
- Jacquelynne S. Eccles & Carol Midgley, *Change In Academic Motivation and Self-Perception During Early Adolescence*, (Newbury Park , California : SAGE Publications Inc,1990), 134-136
- Khalili, S., S. Murken, R.K. Helmut, A.A. Shah and a. Vahabzadeh, 2002. *Religion and Mental Health in Cultural Perspective : Observationsand Refelctions after the first International congress on Religion and mental Health*. *The International J. the Psychology of Religion*, 12(4) : 217-237.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia Th: 1970 hal: 48 dan 95.
- Mustafa Fahmi, *Saikologi Kanak-kanak dan Remaja*. (Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. 1976)
- Miskawayh, Abu 'Ali Ahmad , Tahdhib al-Akhlaq ed. Constantine K. Zurayk, (Beirut , 1968),189-191.
- Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of Al-Ghazali, A Composite Ethics In Islam*, (Petaling Jaya : The Author,1975)
- Noorzila Jamaludin , *Pro & Kontra Atasi Masalah Sosial : Majalah Al Islam*,(UTUSAN KARYA Sdn Bhd www.utusankarya.com.my, Februari 2007)
- Noor Shakirah Mat Akhir, *al-Ghazali and His Theory of The Soul : A Comparative Study*(pulau Pinang : USM Press, 2008),174.
- Peter C. Hill & Kenneth I. Pargament (2003), *Advances In Conceptualization And Measurement Of Religion and Spirituality, Implications for Physical and Mental Health*

Research .American Psychologist, American Psychological Association, Inc. Vol 58, No.1, h. 64-74

RM Majzub dan AM Noor (2001). [Persepsi Remaja Terhadap Masa Hadapan](#). Jurnal Pendidikan.

Robert A. Emmons et. al (1998), *Assessing Spirituality Through Personal Goals: Implications For Research On Religion and Subjective Well-Being*, Social Indicators Research , 45: h. 391-422

Robiah Kulop Hamzah, 2001. *Remaja dan Pengurusan Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Stanley Hall (1904). *Psikologi Perkembangan Anak & Remaja*. Ed. xii, 220p.

www.geocities.com/kavyan-kavyan/raman0301.html, 12 May 2009.

Zakiat Dardjat (1983), *Kesehatan Mental*, Jakarta : Agung, hlm.101.

* Pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) , Kuala Lumpur.
(email : fakhruladabi@um.edu.my)

* Calon Ph.D, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur
(email : idah_44@yahoo.com)

* Calon Ijazah Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur
(email : mohdnawawi53@yahoo.com)